



KAJIAN mengenai perkhidmatan LRT Johor Bahru turut meliputi Pasir Gudang, Iskandar Puteri dan Kulai.

Mampu atasi masalah kesesakan trafik yang kritikal

LRT di Johor Bahru beroperasi pada 2027

**SIDANG
DUN
JOHOR**



Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

ISKANDAR PUTERI – Johor bakal mewujudkan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) Johor Bahru (JB) bagi mengintegrasikan perkhidmatan Sistem Transit Rapid (RTS) Link Johor Bahru-Singapura yang dijangka beroperasi pada 2027.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur negeri, Mohamad Fazli Mohamad Salleh berkata, langkah itu bagi melengkapkan jaringan pengangkutan di pusat bandar dan melancarkan pergerakan penumpang RTS.

Katanya, kewujudan LRT JB adalah antara sistem paling berkesan bagi mengatasi kesesakan trafik yang kritikal di bandar

raya ini.

“Kerajaan negeri menerima banyak pandangan dan cadangan untuk mewujudkan sistem LRT JB apatah lagi ia memang sesuai dibangunkan di kawasan bandar.

“Setakat ini, kerajaan negeri bersetuju untuk melakukan kajian kebolehlaksanaan LRT di bandar raya ini.

“Kita menanti hasil kajian itu untuk melihat kawasan mana yang sesuai untuk dibina LRT termasuk stesennya dengan kawasan kepadatan penduduk tinggi menjadi keutamaan,” katanya pada sidang akhbar sempena sidang Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-15, di Bangunan Sultan Ismail, di sini semalam.

Mohamad Fazli yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Pasir berkata, kajian itu akan membabitkan kawasan Johor Bahru selain Pasir Gudang dan Iskandar Puteri serta Kulai.

Beliau berkata, buat permulaan kerajaan negeri akan mewujudkan Jawatankuasa Pengintegrasian Pengangkutan Awam di

Johor Bahru bagi mengkaji langkah pembinaan LRT JB.

Katanya, jawatankuasa itu juga akan merangka sistem pengangkutan bersepadu bagi memastikan aliran pergerakan penumpang yang menggunakan RTS saling berhubung, sekali gus dapat mengatasi isu kesesakan di JB.

“Antara sistem pengangkutan yang akan diintegrasikan dengan RTS adalah sistem bas termasuk perkhidmatan Bas Muafakat Johor (percuma) dan bas komersial, sistem Iskandar Rapid Transit (IMBRT), Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (ETS) dan cadangan pembangunan LRT Johor Bahru.

“Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) juga sedang merancang membangunkan cadangan tempat letak kenderaan berpusat di Plaza Seni dan Danga City Mall,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Fazli berkata, pembinaan infrastruktur RTS sudah mencapai 17 peratus sehingga 30 Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2026.